

UCAPAN OLEH

YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI AND INOVASI

PROGRAM PELAYANAN RAKYAT &
DIALOG STI MASYARAKAT ORANG ASLI

DEWAN TAN SRI BERNARD DOMPOK
SIMPANG PULAI, IPOH, PERAK

19 DISEMBER 2015 (SABTU)

[Salutasi tertakluk kepada pengesahan kehadiran]

YANG BERBAHAGIA DATO' SUKI MEE

Pengerusi Yayasan Orang Asli Perak (YOAP)

Yang dihormati, Dato'-Dato', Datin-Datin, tetamu jemputan, tuan-tuan, puan-puan dan hadirin sekalian

Selamat petang, salam sejahtera, salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak penganjur di atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk hadir sama dan seterusnya merasmikan **Program Pelayanan Rakyat dan Dialog STI Bersama Masyarakat Orang Asli**. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada **Yayasan Orang Asli Perak (YOAP)** dan seluruh jawatankuasa penganjur dalam menguruskan penganjuran program ini.

2. Negara kita ini amat unik sekali kerana mempunyai masyarakat yang berbilang agama, kaum dan bangsa. Ini menjadikan negara kita

sangat kaya dengan kepelbagaian adat resam dan budaya. Kepelbagaian ini hendaklah diurus dan dipelihara dengan baik dan ianya boleh dijadikan asas dalam menyatupadukan rakyat agar selaras dengan konsep 1Malaysia. Oleh itu, adat resam, kesenian dan kebudayaan tidak kira milik kaum mana pun tentunya mampu menjadi faktor penyatuan kaum-kaum yang terdapat di Malaysia termasuk masyarakat Orang Asli.

3. Program pelayan rakyat yang diadakan kali ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan yang telah memperkenalkan konsep **Merakyatkan Perkhidmatan Awam**. Konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam merupakan pendekatan yang berasaskan beberapa prinsip penting yang antara lain ianya bersifat **keterbukaan dan mudah didekati oleh rakyat** supaya mereka berpeluang mengemukakan idea dan isu yang perlu diatasi. Selain itu, melalui konsep ini juga memberi penekanan kepada **program turun padang** yang membabitkan ketua-ketua jabatan dan agensi. Program turun padang ini membolehkan ketua-ketua jabatan dan agensi mengenal dan memahami isu-isu yang dihadapi oleh rakyat dan seterusnya menyelesaikannya secepat mungkin. Ia juga turut memberi penekanan kepada peningkatan jalinan kerjasama strategik dengan pihak swasta.

Para hadirin yang dihormati sekalian

4. **Penjanaan Ilmu, Mencipta Kekayaan dan Kesejahteraan** masyarakat menjadi objektif MOSTI. MOSTI mempunyai inisiatif tersendiri bertujuan merealisasikan objektif yang ditetapkan. Untuk itu, antara program yang telah dan akan dilaksanakan antaranya adalah **inovasi sosial atau MOSTI Social Innovation (MSI)**.

5. Inovasi Sosial MOSTI adalah inisiatif untuk **membantu mengatasi masalah masyarakat bagi meningkatkan kesejahteraan hidup melalui pelaksanaan projek, perkhidmatan, peningkatan kemahiran atau inovasi menggunakan teknologi sedia ada.** Ia merupakan salah satu cabang inovasi yang boleh membawa kesan secara langsung dan boleh dirasai oleh rakyat melalui kolaborasi dan jaringan kerjasama pelbagai pihak.

6. Saya ingin memaklumkan bahawa **pada tahun 2015, iaitu sehingga 15 Disember, sebanyak 118 projek inovasi sosial telah diluluskan dengan kos sebanyak RM13 juta dari RM20 juta peruntukan yang diluluskan.** Saya menyeru tuan-puan mengambil peluang dan kesempatan di atas pelaksanaan program Inovasi Sosial MOSTI untuk mengemukakan cadangan projek dalam mempertingkatkan kesejahteraan hidup komuniti setempat.

7. Saya juga difahamkan bahawa **pada 14 Februari 2015, Kementerian saya melalui Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dengan kerjasama YOAP dan Kem Batalion 3 PGA Bidor telah mengenalpasti dan mengiktiraf 2 inovator akar umbi dikalangan masyarakat Orang Asli melalui Jejak Inovasi.**

8. Inovasi yang dibuat adalah **mesin pelarik teboh sumpit menggunakan mesin pam air akuarium dan anyaman bakul komtemporari.** Inovasi ini telah didaftarkan di bawah pangkalan data inovasi YIM dan telah **dipertandingkan dalam Pertandingan Cabaran Inovasi Inklusif.** Inovator-inovator ini telah dibantu dari segi **bantuan khidmat nasihat bagi penambahbaikan produk untuk membolehkan produk-produk inovasi yang dihasilkan dapat bersaing dipasaran.**

Para hadirin yang dihormati sekalian

9. Kita kini berada di alaf baru sejajar dengan pembangunan negara yang pesat membangun ke arah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. **Saya berharap agar masyarakat Orang Asli juga akan terus maju seiring dengan masyarakat perdana yang lain.** Saya juga percaya dan yakin pelaksanaan Program Dialog Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) yang diadakan ini akan **membolehkan budaya STI diterap dikalangan masyarakat** khususnya kepada generasi muda yang akan menjadi pemimpin masyarakat kita.

10. Bagi mengakhiri ucapan saya yang ringkas ini, sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur dan juga semua yang terlibat menjayakan program ini.

Sekian. Terima kasih.